

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[BN-MACHANG]**

TARIKH : 4 JULAI 2019

SOALAN : 26

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status dan rasionalnya Kerajaan Malaysia melupuskan 16% daripada pegangan dalam IHH Healthcare oleh Syarikat Khazanah Nasional Berhad dengan jumlah RM8.42 bilion seperti yang diumumkan pada laman sesawang Khazanah pada 29 November 2018 sedangkan ianya mendatangkan keuntungan kepada pelaburan Khazanah dan negara.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat, pada 29 November 2018, Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) telah mengumumkan bahawa ia telah menandatangani perjanjian dengan Mitsui & Co., Ltd. (Mitsui) untuk melupuskan 1,403,087,400 saham dalam IHH Healthcare Berhad (IHH) pada harga RM6.00 setiap saham, dengan jumlah tunai keseluruhan bernilai kira-kira RM8.42 bilion. Harga jualan tersebut adalah 20% lebih tinggi (20% premium) berbanding harga pasaran IHH Healthcare pada ketika itu. Pelupusan tersebut mewakili kira-kira 16% daripada keseluruhan saham IHH dan seterusnya mengurangkan pegangan

SOALAN NO. 26

Khazanah dalam IHH kepada 26.05%. Transkasi tersebut telah berjaya dimuktamadkan pada 22 Mac 2019.

Kini, Khazanah masih memegang sebanyak 26% saham dalam IHH dan tetap merupakan antara pemegang saham terbesar dalam IHH. Sekiranya disatukan semua pegangan saham Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dalam IHH, penguasaan GLIC dalam syarikat pengendali hospital tersebut melebihi 35%, mengatasi pengangan saham milik Mitsui yang berjumlah 32%.

IHH (dahulunya dikenali sebagai Integrated Healthcare Holdings Sdn Bhd) lahir daripada usaha Khazanah untuk membangunkan pelaburannya dalam sektor penjagaan kesihatan yang bermula pada tahun 2005. Pada tahun 2011, Mitsui muncul sebagai rakan strategik dengan memegang 30% saham dalam IHH. Bermula daripada itu, IHH terus berkembang maju sehingga menjadi antara syarikat pengendali hospital terbesar di dunia berdasarkan permodalan pasaran dengan operasi di beberapa buah negara termasuk Singapura, India dan Turki.

Selari dengan perkembangan operasi serta kejayaan yang dilakar, Khazanah menerima manfaat daripada pelaburannya dalam IHH menerusi peningkatan nilai syarikat berkenaan yang sekali gus menyumbang kepada pertambahan Nilai Aset Boleh Direalisasikan (NWA) Khazanah serta hasil dividen yang diterimanya setiap tahun daripada IHH.

Namun, seperti pelaburannya yang lain, hasil sebenar daripada pelaburan dalam IHH hanya dapat direalisasikan apabila Khazanah melupus atau menjual saham-saham yang dipegangnya, seperti yang dilaksanakan baru-baru ini.

Urusniaga ini adalah penting kerana ia merupakan sebahagian daripada usaha penstrukturan semula portfolio Khazanah, seperti yang diumumkan oleh Pengarah Urusan Khazanah semasa Ulasan Tahunan Khazanah pada 5 Mac 2019. Hasil daripada pelupusan ini akan seterusnya digunakan untuk membiayai pelaburan baharu serta memenuhi keperluan

SOALAN NO. 26

permodalan Khazanah, termasuk mengurangkan hutang dan pembayaran dividen kepada Kerajaan.

Hasil yang direalisasikan daripada pelupusan sebahagian pegangan Khazanah dalam IHH ini juga dijangka akan dapat menyumbang ke arah mengembalikan Khazanah ke landasan keberuntungan pada tahun kewangan 2019 selepas ia mencatatkan kerugian pada tahun kewangan 2018.

Selain IHH, pada tahun kewangan semasa, Khazanah terus mempertimbangkan peluang pelupusan aset lain yang bersesuaian sebaik sahaja aset tersebut mencapai objektif pelaburan dan pulangan sasarannya. Senarai penuh aset yang dilupuskan akan dimaklumkan semasa Ulasan Tahunan Khazanah 2019 pada suku pertama tahun 2020.

Tambahan pula, setelah peruntukan sepenuhnya bagi rosot nilai beberapa aset utama milik Khazanah seperti Malaysia Airlines Berhad dilaksanakan pada tahun 2018, yang memberikan kesan yang ketara kepada keberuntungan Khazanah pada tahun lepas, Khazanah menjangkakan akan kembali mencatatkan keuntungan pada tahun 2019.

Sekian, terima kasih.